

10/03/1997

Laluan pejalan kaki berhawa dingin

PETALING JAYA, Ahad - Laluan pejalan kaki berhawa dingin mungkin dibina di sekitar ibu kota, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding.

Cadangan yang dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu kini sedang dikaji secara terperinci oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Berdasarkan cadangan awal, orang ramai yang ingin menggunakan laluan itu perlu membuat bayaran di pintu masuk.

"Selain menggalakkan orang ramai supaya tidak menggunakan kenderaan dalam bandar sekali gus mengurangkan kesesakan lalu lintas, langkah itu juga dapat mengurangkan pencemaran," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Larian Hijau '97 di sini, hari ini.

Larian Hijau '97 itu dirasmikan Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dengan melepaskan kira-kira 3,500 peserta pada jam 8.10 pagi.

(END)